

Bijaksana, merendah diri dan berjiwa rakyat

Sinar Harian
7/5/15
m/s 14

IPOH - Sultan Nazrin Shah Almarhum Sultan Azlan Shah diputerakan pada 27 November 1956, dan baginda seorang bijaksana, merendah diri serta berjiwa rakyat.

Dalam hierarki Kesultanan Perak, Sultan Nazrin Shah dimasyhurkan Raja Kecil Besar Perak pada 16 Februari 1984 dan Raja Muda Perak pada 15-April 1987.

Mengikut sistem penggiliran Kesultanan Perak, kedudukan Raja Kecil Besar Perak adalah di tempat ketiga selepas Raja Di-Hilir dan Raja Muda sebelum dilantik menjadi Sultan.

Sementara itu, kedudukan di bawah Raja Kecil Besar adalah Raja Kechil Sulong, Raja Kechil Tengah dan Raja Kechil Bongsu.

Bagaimanapun, pada 1987, apabila Raja Muda Perak iaitu Raja Ahmad Saifuddin Almarhum Sultan Iskandar Shah mangkat, Raja Ahmad Hisham Raja Abdul Malik, 80, yang ketika itu Raja Di-Hilir, memberi laluan Sultan Nazrin Shah untuk naik menjadi Raja Muda atas faktor usia.

Semasa ayahanda baginda dilantik Yang di-Pertuan Agong, Sultan Nazrin Shah dilantik Pemangku Raja Perak mulai April 1989 hingga 1994.

Selepas kemangkatan Sultan Azlan Shah pada 28 Mei 2014, Dewan Negara Perak memilih Sultan Nazrin Shah sebagai Sultan Perak ke-35 dan baginda dimasyhurkan Sultan pada 29 Mei 2014.

Mendapat pendidikan awal di Sekolah Jalan Kuantan, Kuala Lumpur sehingga darjah 5, baginda melanjutkan pelajaran dari darjah 6 hingga tingkatan 2 di St John Institution dan pada usia 13 tahun, Sultan Nazrin Shah berangkat ke United Kingdom untuk meneruskan pengajian di Leys School, Cambridge.

Baginda memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sastera bidang Falsafah, Politik dan Ekonomi dari Universiti Oxford.

Sekembalinya dari luar negara, Sultan Nazrin Shah bertugas sebagai Pegawai Eksekutif Petronas dari 1979 hingga 1983.

Baginda kemudian melanjutkan pelajaran ke peringkat Ijazah Sarjana dalam Pengurusan Awam di Kennedy School of Government, Universiti Harvard diikuti Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Politik, Ekonomi dan Kerajaan dari universiti sama.

Sultan Nazrin Shah adalah Felo Kehormat Worcester College, Universiti Oxford dan juga Magdalene College, Universiti Cambridge; Ahli Pemegang Amanah Pusat Pengajian Islam Universiti Oxford; Felo Diraja Institusi Pertahanan dan Keselamatan Malaysia; Felo Diraja Institut Kajian Strategik dan Hubungan Antarabangsa Malaysia; Felo Diraja Institut Keselamatan Awam Malaysia dan Penaung Diraja kepada Pusat Kewangan Islam Antarabangsa Malaysia.

Baginda diijabkabulkan dengan Tuanku Zara Salim pada 17 Mei 2007 dan dikurniakan seorang putera, Raja Azlan Muzaffar Shah pada 14 Mac 2008 dan seorang puteri, Raja Nazira Safya pada 2 Ogos 2011. - Bernama